



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

MAKLUMBALAS ISU IKAN BAUNG EKOR MERAH DI SUNGAI
PAHANG

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memandang serius mengenai kebanjiran ikan baung ekor merah di Sungai Pahang seperti yang dilaporkan baru-baru ini.
2. Ikan Baung Ekor Merah atau nama saintifiknya *hemibagrus wyckioides* merupakan ikan pemangsa yang disenaraikan DOF selain 32 spesies ikan yang tidak dibenarkan dilepaskan dalam sungai, empangan, tasik dan lombong di negara ini.
3. Ikan baung ekor merah adalah spesies berasal dari Sungai Mekong, Vietnam. Ia dikategorikan sebagai ikan pemangsa yang akan mengganggu ekosistem perairan sekiranya berada dan membiak dalam perairan umum. Ikan ini mempunyai sifat agresif memakan pelbagai hidupan dalam air termasuk anak ikan dan udang, saiznya matangnya mencapai berat puluhan kilogram. Perbezaan ikan tersebut hanya pada ekor iaitu berwarna merah.
4. Program kesedaran terhadap kesan kepada ekosistem berpunca daripada ikan baung ekor merah turut dilakukan bagi memastikan penternak mengambil langkah terbaik mengelak ikan berkenaan terlepas ke sungai. Ia sebagai panduan bagi memastikan industri akuakultur Sungai Pahang terjamin.

5. DOF akan sentiasa memantau dan mengawasi industri ternakan ikan baung ekor merah di negeri ini supaya setiap penternak mematuhi cadangan dan peraturan ditetapkan terutama membabitkan ternakan dalam sangkar.

6. DOF akan meneruskan tindakan penguatkuasaan melalui kaedah seperti program pemantauan/penguatkuasaan bagi membuat hebahan dan kesedaran tentang perkara ini. Pegawai perikanan daerah akan melakukan pemeriksaan secara berjadual bagi memastikan penternak menutup dengan jaring keseluruhan sangkar mereka supaya ikan tidak melompat keluar. Kehadiran ikan di perairan ini mungkin akibat **terlepas semasa banjir besar sebelum ini**.

7. DOF mencadangkan pindaan dibuat terhadap Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) di peringkat negeri supaya aktiviti pelepasan spesies ikan eksotik (asing) juga dapat dikawal dan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

8. DOF tidak mengalakkan ternakan ini memandangkan banyak spesis tempatan yang juga mendapat permintaan yang tinggi seperti baung, patin dan kelah.

###

Kenyataan Media ini disiarkan oleh:-

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

23 Februari 2019 (Sabtu) jam 10.00 pagi